

03 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Sedar)

PERBUATAN LIWAT DIDEHAH SELEPAS ANWAR BUAT HUBUNGAN DENGAN ISTERI ORANG

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar, lelaki yang bersumpah diliwat Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau mendedahkan perbuatan itu lima tahun kemudian setelah bekas perdana menteri itu mengadakan hubungan sulit dengan isteri orang.

Beliau memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini bahawa kesedaran itu timbul setelah Ummi Hafilda Ali, adik ipar bekas majikannya, Shamsidar Taharin, memberitahunya bahawa Shamsidar mungkin mempunyai hubungan sulit dengan Anwar.

"Saya mengambil keputusan untuk menimbulkan dakwaan-dakwaan ini (yang beliau diliwat) selepas lima tahun kerana ia (hubungan sulit Shamsidar dengan Anwar) memberi kesedaran kepada saya mengenai perbuatan terkutuk yang dilakukannya terhadap saya," katanya.

Azizan, eksekutif pentadbiran dan pemasaran sebuah syarikat di Alor Gajah, Melaka, berkata demikian pada perbincangan Anwar, 51, yang juga bekas menteri kewangan.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Perbincangan didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah Ismail, merupakan saksi ke-12 pendakwaan, berkata demikian semasa disoal dalam pemeriksaan balas oleh peguam Anwar, Christopher Fernando.

Ummi Hafilda ialah penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan merupakan adik Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha peribadi Anwar. Shamsidar ialah isteri kepada Mohd Azmin.

Azizan berkata beliau memberitahu Ummi Hafilda bahawa beliau diliwat Anwar, tanpa menyatakan masa dan tarikh tetapi hanya menerangkan tempat perbuatan itu dilakukan, sebelum Ummi Hafilda membuat surat pengakuan bersumpahnya (Azizan).

Fernando: Tidakkah awak merasa malu memberitahu Ummi Hafilda bahawa awak diliwat?

Azizan: Ya, saya rasa malu untuk memberitahu Ummi Hafilda bahawa saya telah diliwat.

Fernando: Adakah awak kenal betul dengan Ummi?

Azizan: Saya tidak berapa kenalnya kerana dia hanya datang ke rumah kakak iparnya, tempat di mana saya bekerja, sekali sekala.

Azizan berkata Ummi Hafilda memberitahunya bahawa beliau (Ummi Hafilda) ingin mengetahui mengenai Shamsidar setelah berasa kasihan terhadap abangnya jika perbuatan kakak iparnya itu melampaui batas.

Menurutnya Ummi Hafilda ada memberitahunya bahawa dia akan memberitahu abang dan keluarganya jika perbuatan kakak iparnya itu benar-benar berlaku.

"Pada peringkat itu, Ummi Hafilda tidak memberitahu saya bahawa dia akan menghantar maklumat-maklumat itu kepada Perdana Menteri," katanya.

Fernando: Awak memberitahu perbuatan yang mengaibkan kepada orang yang tidak awak berapa kenali?

Azizan: Walaupun saya tidak mengenali Ummi Hafilda dengan lebih dekat, tetapi saya mengenali keluarganya terutama ibunya dan saya yakin apa yang

saya ceritakan kepada Ummi Hafilda tidaklah sangat memalukan saya.

Menurutnya beliau membuat dakwaan itu kerana memang benar beliau telah diliwat Anwar.

Fernando: Kenapa dalam ramai-ramai (orang), awak pilih Ummi Hafilda untuk memberitahu perkara ini?

Azizan: Saya memilih Ummi Hafilda kerana dia mempunyai masalah keluarga terutama abangnya iaitu Azmin dan Ummi Hafilda merasa kasihan melihat abangnya, yang berkemungkinan Shamsidar (isteri Azmin) mempunyai hubungan sulit dengan Anwar dan adalah tidak salah bagi saya untuk memilihnya.

Fernando: Apa yang awak harap untuk capai selain memalukan diri sendiri dengan dakwaan-dakwaan itu?

Azizan: Dengan memberitahu Ummi Hafilda, saya tidak mengharapkan apa-apa dan saya ingin menegakkan kebenaran tentang apa yang telah terjadi ke atas diri saya walaupun ia amat memalukan saya.

Azizan berkata beliau amat malu untuk memberitahu semua orang mengenai perbuatan itu tetapi perasaan itu hilang demi maruah diri dan agama menyebabkan beliau membuat pengakuan bersumpah untuk memberitahu perbuatan terkutuk Anwar terhadapnya dan juga mangsa-mangsa yang lain tanpa motif lain.

Semasa ditanya sama ada beliau tidak merasa malu untuk memberitahu seluruh negara yang beliau diliwat jika tiada motif lain, Azizan berkata: "Ya, saya berasa amat malu untuk memberitahu semua orang akan perbuatan ini tetapi demi maruah diri dan agama, saya tidak rasa malu untuk memberitahu semua orang tentang perbuatan terkutuk itu."

Pada peringkat ini, Wan Azizah yang duduk bersama dua anak perempuannya, Nurul Izzah dan Nurul Nuha, kelihatan tunduk manakala kedua-dua anaknya berbisik-bisik sesama mereka.

Fernando berkata keterangan Azizan bertentangan dengan keterangannya sebelum ini bahawa beliau berasa malu untuk memberitahu Ummi Hafilda tetapi kemudian menyatakan beliau tidak berasa malu lagi.

Azizan: Ya, pada mulanya saya amat malu untuk menceritakan kepada Ummi Hafilda tetapi setelah Ummi Hafilda mengetahuinya, perasaan malu saya itu hilang.

Fernando: Kalau tidak malu, kenapa setiap kali kamera televisyen memfokus kepada awak, awak menutup muka seperti mana yang disiarkan di televisyen termasuk semalam ?

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail membantah soalan itu kerana ia mungkin gambar fail dan berkata beliau sendiri pernah digambarkan di televisyen dengan gambar yang sama yang disiarkan pada beberapa bulan lepas.

Abdul Gani: Saya rasa pemeriksaan balas ini sepatutnya mengenai seni halus.

Fernando: Ya, tetapi rakan saya ini tidak tahu menilai seni halus.

Hakim Paul: Pada penghujung kes ini, saya akan memberi komen mengenai pengendalian yang dilakukan oleh kedua-dua pihak.

Selepas hakim membenarkan soalan itu disusun semula, Azizan berkata: "Saya tutup muka setiap kali kamera TV memfokus kepada saya demi keselamatan diri saya kerana saya adalah orang yang membawa cerita ini," katanya.

-- BERNAMA  
NHD AHH NAK